

**PERANAN WANITA SEMASA ERA PENTADBIRAN  
SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH  
DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

**L. ORINE BINTI UKOR**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PERANAN WANITA SEMASA ERA PENTADBIRAN  
SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH  
DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

**L. ORINE BINTI UKOR**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
SYARAT MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA  
SASTERA**

**PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**FAKULTI KEMANUSIAAN, SENI DAN WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2019**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL: **PERANAN WANITA SEMASA ERA PENTADBIRAN SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

IJAZAH: **SARJANA SASTERA (SEJARAH)**

Saya **L. ORINE BINTI UKOR**, sesi **2015/2016**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat Salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

*L. Orine Binti Ukor*

**L. ORINE BINTI UKOR  
MA1511048T**

Disahkan oleh,

*Ng Razlynne Mohd. Johan @ Jacklynne*

**NGRAZLYNNE MOHD. JOHAN @ JACKLYNE  
PUSTAKAWAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh: 29 April 2019



*Maureen De Silva*

**(Dr. Maureen De Silva)  
Penyelia**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGAKUAN

Kajian ini merupakan hasil kerja saya sendiri kecuali petikan, ringkasan, dan rujukan yang setiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

29 April 2019



L. Orine binti Ukor  
MA1511048T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PENGESAHAN**

**NAMA : L. ORINE BINTI UKOR**

**NO. MATRIK : MA1511048T**

**TAJUK : PERANAN WANITA SEMASA ERA PENTADBIRAN  
SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH  
DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

**IJAZAH : IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH)**


**TARIKH VIVA : 29 JANUARI 2019**

**DISAHKAN OLEH;**

**PENYELIA**

**DR. MAUREEN DE SILVA**

Tandatangan



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGHARGAAN

Saya, L. Orine binti Ukor sangat bersyukur dengan kebaikan dan penyertaan Tuhan sehingga saya berjaya menyiapkan penyelidikan peringkat Ijazah Sarjana Sastera (Sejarah) ini. Tanpa kekuatan dan penyertaan dari-Nya, mustahil saya dapat menyiapkan penyelidikan ini sehingga selesai.

Ucapan penghargaan yang tidak terhingga saya tujukan khas untuk ibu bapa saya Ukor bin Lambagat dan Bakia binti Luntungan atas doa dan sokongan mereka terhadap saya sepanjang menjalankan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan juga saya tujukan kepada suami saya, Elly Bin Jouh yang sering memberi kata-kata dorongan dan semangat yang tidak putus-putus untuk menyiapkan penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada rakan seperjuangan saya Sitti Rima Najir, Firdaus Kiroh, Imelda Tamba yang, Haziq Ikhsan, dan Saiful Azizi yang telah membantu saya secara tidak langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan penyelidikan ini.

Seterusnya, saya seikhlasnya ingin menyampaikan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Maureen De Silva kerana tidak pernah jemu memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Malaysia Sabah. Tanpa tunjuk ajar beliau, sudah pasti saya tidak dapat memahami sepenuhnya bidang penyelidikan yang saya lakukan sehingga berjaya menyiapkan penyelidikan ini. Akhir sekali, saya juga mengucapkan terima kasih kepada pihak Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) dan Pasca-Siswazah Universiti Malaysia Sabah yang telah memberi saya peluang melanjutkan pengajian saya ke peringkat ini. Terima kasih tidak terhingga saya ucapkan.

L. Orine binti Ukor  
29 April 2019



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meneliti dan menganalisis peranan yang dimainkan oleh wanita semasa era pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1941. Kajian ini cuba untuk menilai peranan yang dimainkan oleh wanita semasa zaman kolonial dan sejauh mana peranan ini telah memberi kesan kepada masyarakat Borneo Utara. Berdasarkan penyelidikan yang meluas mengenai sumber-sumber utama seperti dokumen-dokumen rasmi, akhbar, dan laporan pentadbiran kolonial, kajian ini mendapati terdapat begitu banyak peranan yang dimainkan oleh wanita di Borneo Utara. Peranan-peranan ini agak berbeza di antara kaum wanita peribumi, wanita Asiatik, dan wanita Barat. Antara peranan yang dimainkan oleh wanita adalah seperti pembantu rumah, suri rumah, dan pembantu suami. Di samping itu, wanita di Borneo Utara juga memainkan peranan penting dalam aspek pertanian seperti menjadi sebahagian daripada tenaga buruh di estet dan pertanian sara diri. Pada masa yang sama wanita ini juga menjadi pendidik, penginjil atau mubaligh, pelacur, *Mui Tsai*, pengembara, penulis buku, dan peniaga. Dasar pentadbiran SBBU yang memperkenalkan pelbagai polisi dan semasa memerintah Borneo Utara juga merupakan salah satu alasan utama kepada perubahan bentuk peranan wanita daripada tradisional kepada suatu bentuk yang lebih moden terutama sekali dalam kalangan wanita peribumi. Ketibaan wanita Asiatik seperti Jawa, Cina, Jepun, serta wanita Barat ke Borneo Utara telah mengubah keadaan Borneo Utara dan peranan wanita peribumi itu sendiri. Oleh itu, peranan wanita semasa era SBBU sememangnya wujud tetapi tidak pernah ditonjolkan secara ketara dalam rekod-rekod sejarah.

Kata kunci: Peranan Wanita, Peribumi, Asiatik, Barat, Era Kolonial, Borneo Utara.



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## **ABSTRACT**

### **THE ROLE OF WOMEN DURING THE ERA OF THE BRITISH NORTH BORNEO CHARTERED COMPANY ADMINISTRATION IN NORTH BORNEO (1881-1941)**

*The study aims to examine and analyze the roles played by women during the British North Borneo Chartered Company administration in North Borneo from 1881 until 1941. This research attempts to assess the many different roles played by women during the colonial period and the extent to which these roles had impacted on the people of North Borneo. Based on extensive research on primary sources such as official documents, newspapers, and colonial administration reports, this study finds that there were various roles played by women in North Borneo, and the roles played were somewhat different between the indigenous women, Asiatic women, and Western women. Among the roles played by women were domestic helpers such as maids, housewives, and husband assistants. In addition, women in North Borneo also played a role in the agricultural aspects such as becoming part of the labor force on estates and small holdings. At the same time these women were also educators, evangelists or missionaries, prostitutes, Mui Tsai, travelers, book writers, and business people. The BNBC introduced various policies during its administration of North Borneo, and this eventually became the reason for the change of roles played by women, from traditional to a more modern form especially among indigenous women. The arrival of Asiatic women such as Javanese, Chinese, Japanese, as well as Western women to North Borneo have changed the situation of North Borneo and the role of indigenous women itself has changed with the arrival of these foreign women. Hence, the role of women during the BNBC era has always existed but had never been significantly highlighted in historical records.*

*Keywords: The role of women, Natives, Asiatic, Western, Colonial Era, North Borneo.*



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI PETA</b>	xii
<b>SENARAI FOTO</b>	xiii
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xv
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Sorotan Literatur	4
1.5 Kepentingan Kajian	13
1.6 Skop Kajian	14
1.7 Kaedah Kajian	15
1.8 Pembahagian Bab	17
1.9 Kesimpulan	18



## **BAB 2 : LATAR BELAKANG PEMERINTAHAN SYARIKAT BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH (1881-1941)**

2.1	Pengenalan	19
2.2	Latar Belakang Borneo Utara	20
2.3	Sejarah Awal Borneo Utara	24
2.4	Penguasaan SBBU	27
2.5	Dasar dan Polisi Pentadbiran Era SBBU	32
2.6	Demografi dan Populasi Masyarakat Borneo Utara (1881-1941)	37
2.7	Wanita di Borneo Utara Secara Umum	44
2.8	Kesimpulan	47

## **BAB 3: PERANAN WANITA PERIBUMI DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

3.1	Pengenalan	48
3.2	Latar Belakang Wanita Peribumi Era SBBU	49
3.3	Peranan Wanita Peribumi di Borneo Utara semasa Era SBBU	
3.3.1	Peranan dalam Masyarakat	51
3.3.2	Peranan Domestik	
3.3.2	(i) Peranan sebagai Surirumah	54
3.3.2	(ii) Peranan sebagai Pembantu Suami	56
3.3.2	(iii) Peranan sebagai Pembantu Rumah	58
3.3.3	Peranan dalam bidang Pertanian	
3.3.3	(i) Peranan sebagai Tenaga Buruh	60
3.3.3	(ii) Peranan dalam Pertanian Sara Diri	62
3.3.4	Peranan dalam bidang Perdagangan	64
3.3.5	Peranan dalam bidang Kebudayaan	68
3.3.6	Peranan dalam bidang Keagamaan	70
3.3.7	Peranan dalam bidang Perubatan	72
3.4	Impak Peranan Wanita Peribumi	76
3.5	Kesimpulan	79



## **BAB 4: PERANAN WANITA ASIATIK DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

4.1	Pengenalan	80
4.2	Latar Belakang Kewujudan Masyarakat Asiatik di Borneo Utara	81
4.2.1	Masyarakat Imigran Jawa	82
4.2.2	Masyarakat Imigran Cina	83
4.2.3	Masyarakat Imigran Jepun	84
4.3	Peranan Wanita Cina	
4.3.1	Peranan sebagai Isteri Pegawai Kolonial	86
4.3.2	Peranan sebagai Tenaga Buruh	87
4.3.3	Peranan sebagai Pelacur	91
4.3.4	Peranan sebagai <i>Mui-tsai</i>	93
4.3.5	Peranan sebagai Jururawat ( <i>Midwife</i> )	98
4.3.6	Peranan sebagai Pembantu Rumah ( <i>Amah</i> )	100
4.4	Peranan Wanita Jawa	
4.4.1	Peranan sebagai Tenaga Buruh	102
4.4.2	Peranan sebagai Pelacur	109
4.4.3	Peranan sebagai Pembantu Rumah ( <i>Babu</i> )	112
4.5	Peranan Wanita Jepun	
4.5.1	Peranan sebagai Isteri Pemodal Jepun	115
4.5.2	Peranan sebagai Tenaga Buruh	116
4.5.3	Peranan sebagai <i>Karayuki-San</i>	118
4.6	Impak Peranan Wanita Asiatik	123
4.7	Kesimpulan	125

## **BAB 5 : PERANAN WANITA BARAT DI BORNEO UTARA (1881-1941)**

5.1	Pengenalan	126
5.2	Latar Belakang Wanita Barat di Borneo Utara	127
5.3	Peranan Wanita Barat di Borneo Utara	
5.3.1	Peranan dalam aspek Sosial ( <i>Social Hostess</i> )	
5.3.1	(i) Menganjurkan Kelab Komuniti Barat	128
5.3.1	(ii) Menganjurkan Aktiviti Hiburan	130



5.3.1	(iii) Mengiringi Suami Semasa Bertugas	131
5.3.2	Peranan sebagai Pekebun	132
5.3.3	Peranan sebagai Jururawat ( <i>Nurse Matron</i> )	133
5.3.4	Peranan sebagai Guru	136
5.3.5	Peranan sebagai Penulis Buku	139
5.3.6	Peranan sebagai Penginjil ( <i>Missionary</i> )	144
5.3.7	Peranan sebagai Peniaga	147
5.3.8	Peranan sebagai Pengembara ( <i>Traveller</i> )	148
5.4	Impak Peranan Wanita Barat	152
5.5	Kesimpulan	154
<b>BAB 6 : KESIMPULAN</b>		155
<b>BIBLIOGRAFI</b>		165
<b>LAMPIRAN</b>		177



## SENARAI JADUAL

Halaman

Jadual 2.1: Jumlah Populasi Tahun 1891 Mengikut Komuniti di Borneo Utara	38
Jadual 2.2: Jumlah Populasi Tahun 1901 Mengikut Jantina	39
Jadual 2.3: Jumlah Populasi Tahun 1911 Mengikut Jantina	40
Jadual 2.4: Jumlah Populasi Tahun 1921 Mengikut Jantina	41
Jadual 2.5: Jumlah Populasi Wanita Borneo Utara (1911,1921, dan 1931)	42
Jadual 3.1: Jadual Jumlah Buruh Wanita (Tahun 1915-1940)	61
Jadual 4.1: Populasi Imigran Borneo Utara, 1891-1931	82
Jadual 4.2: Jumlah Buruh Wanita Jawa di Borneo Utara, 1914-1932	104
Jadual 4.3: Jumlah Buruh Bebas yang Bermigrasi ke Borneo Utara, 1914-1918	105
Jadual 4.4: Kadar Gaji Buruh Lelaki dan Wanita di Borneo Utara, 1914-1930	107
Jadual 4.5: Penyakit Kelamin yang Dihidapi oleh Wanita Jawa	112



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI FOTO

	Halaman
Foto 3.1: Wanita Dusun di Borneo Utara	5
Foto 3.2: Wanita Peribumi Membawa <i>Wakit</i> yang Berat	56
Foto 3.3: Wanita Peribumi Sedang Menumbuk Padi	63
Foto 3.4: Tamu di Kota Belud Tahun 1934	65
Foto 3.5: Wanita Peribumi dengan Pakaian Tradisional	66
Foto 3.6: Wanita Dusun di Tamu Tambunan	67
Foto 3.7: Wanita Sedang dalam Perjalanan ke Tamu	68
Foto 4.1: Wanita Jawa sebagai Babu	113
Foto 5.1: Antara Koleksi Buku Nukilan Agnes Newton Keith	140
Foto 5.2: Antara Koleksi Buku Nukilan Ada Pryer	141
Foto 5.3: Antara Koleksi Buku Nukilan Osa Johnson	142
Foto 5.4: Antara Koleksi Buku Nukilan Elizabeth Mershon	143
Foto 5.5: Mr. dan Mrs. Mershon Bersama dengan Pembantu Peninggil di Borneo Utara tahun 1918	145
Foto 5.6: Pan Loi Yin, Anak Gadis Berketurunan Cina tahun 1918	147
Foto 5.7: Rumah Rakit yang Dirangka oleh Osa Johnson untuk Martin	150
Foto 5.8: Osa dan Geeli Sedang Mempromosikan Rokok <i>Old Gold</i>	151





## SENARAI SINGKATAN

SBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
BSKKL	Borneo Shokushan Kabushiki Limited
NBCA	North Borneo Central Archive
BNBH	British North Borneo Herald
PDI	Perang Dunia Pertama
PDII	Perang Dunia Kedua
SHTI	Syarikat Hindia Timur Belanda
EBTC	Estet Borneo Timber Company
CO	Colonial Office
SAWO	Women Action Research Group
ANS	Arkib Negeri Sabah
PRO	Public Record Office
Co. Ltd.	Company Limited
Ed.	Editor



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

Halaman

### LAMPIRAN A

Koleksi Jadual Bancian Penduduk Tahun 1951, L. W. Jones 177

### LAMPIRAN B

Koleksi Gambar Arkib 189

Koleksi Gambar Owen Rutter 193

Koleksi Gambar Ann Laura Stoler 195

Koleksi Gambar Elizabeth Mershon 198

Koleksi Gambar *Online* 199



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGENALAN

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Sejarah wanita merupakan suatu subjek kajian yang menjadi pokok perbincangan dalam kalangan sarjana sejak sekian lama. Walau bagaimanapun, kebanyakan penulisan tentang wanita kurang menyentuh tentang peranan dalam masyarakat secara menyeluruh dan terperinci. Perkara ini dapat diperhatikan secara jelas terutama sekali semasa era kolonialisme. Kebanyakan penulisan sejarah seringkali memaparkan peranan dan ketokohan golongan lelaki dalam semua aspek. Peranan wanita yang kurang ditonjolkan dalam penelusuran sejarah masa lampau kemungkinan besar adalah disebabkan oleh kurangnya penulisan dan catatan tentang golongan ini. Oleh itu, kajian yang bertajuk Peranan Wanita semasa Era Pentadbiran Syarikat Berpiagam Borneo Utara British di Borneo Utara (1881-1941) ini merupakan suatu percubaan awal untuk memaparkan dan menonjolkan semula peranan wanita di Borneo Utara semasa era kolonialisme.

Sebelum abad ke-20, peranan wanita lebih banyak tertumpu kepada peranan yang berkaitan dengan hal ehwal rumah tangga. Wanita juga lazminya dilihat dari dua segi yang berbeza, pertamanya adalah berdasarkan kepada jantina yang membawa peranan tradisional sebagai isteri dan ibu. Sudut yang kedua pula adalah dari segi peranan yang berbeza iaitu selain menjadi isteri dan ibu kepada anak-anak. Hal ini jelas diperhatikan dalam kalangan wanita peribumi di Borneo Utara. Wanita peribumi sangat terikat dengan kehidupan tradisi sehingga keadaan ini menyempitkan peranan mereka dalam setiap aspek kehidupan. Sejak kecil lagi wanita peribumi ini diajar untuk menguruskan hal ehwal rumah tangga sepenuhnya tanpa memikirkan aspek lain seperti pendidikan atau kemahiran-kemahiran lain.



Situasi ini merupakan faktor utama wanita peribumi tidak berkembang maju seperti wanita-wanita luar yang lain. Peranan wanita yang akan dimasukkan dalam kajian ini termasuklah peranan yang rela dan terpaksa dikerjakan oleh golongan wanita demi untuk menjamin kelangsungan hidup.

Walau bagaimanapun, semasa SBBU berkuasa sepenuhnya di Borneo Utara, golongan wanita peribumi mengalami perubahan dari segi peranan yang amat ketara. Wanita peribumi tidak lagi dilihat sebagai golongan yang terperap dalam hal ehwal rumah tangga, malahan mereka mulai keluar dari kepompong yang menyempitkan peranan mereka selama ini. Kehadiran wanita dari luar seperti Cina, Jawa, Jepun dan Barat turut menjadi pemangkin kepada perubahan peranan wanita peribumi di Borneo Utara. Kehadiran wanita dari luar ini telah mewarnai dan memberi pelbagai corak kepada peranan wanita di Borneo Utara itu sendiri. Kepelbagaian peranan dan watak yang dipaparkan oleh wanita dari luar membawa impak yang besar kepada masyarakat di Borneo Utara ketika itu. Oleh itu, kajian ini merupakan suatu tindakan menyahut cabaran dalam mengisi kelompangan dan dalam masa yang sama memaparkan semula watak dan peranan wanita di Borneo Utara semasa era SBBU.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Perumpamaan yang menyatakan 'tangan wanita yang menghayun buaian boleh mengegarkan dunia'<sup>1</sup> memberi gambaran bahawa wanita merupakan insan terpenting dalam sesebuah negara. Namun, pemikiran stereotaip masyarakat dahulu sering meletakkan wanita pada posisi yang rendah iaitu hanya berperanan dalam ruang legar rumah tangga sahaja. Wanita juga hanya dilabelkan sebagai *supporting role* kepada suami mereka. Situasi ini menyebabkan golongan wanita sendiri tidak berminat untuk memajukan diri dalam aspek pendidikan kerana mereka hanya perlu mahir memasak, mengemas rumah, serta menguruskan anak-anak dengan baik. Wanita juga turut terikat dengan kehidupan tradisi dan budaya yang mana secara tidak langsung telah membataskan peranan mereka kepada pembangunan negara secara amnya. Menurut Stevenson, semasa era

---

<sup>1</sup> Zaherawati Zakaria, Peranan Wanita dalam Politik dan Pembangunan di Malaysia: Satu Tinjauan, dalam Worrn Hj. Kabul et.al (er.), *Prosiding Seminar Politik Malaysia*, Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), 2008, hlm. 381



pemerintahan British, mereka tidak berminat untuk memajukan pendidikan dalam kalangan kaum wanita kerana pendidikan dianggap tidak mendatangkan sebarang manfaat dari aspek ekonomi.<sup>2</sup>

Pemikiran stereotaip dalam kalangan masyarakat ini adalah disebabkan oleh budaya ketimuran yang menular sejak berabad tahun lamanya sehingga peranan kaum wanita itu menjadi objek kajian yang seakan-akan kurang penting. Walau bagaimanapun, peranan wanita di Borneo Utara sebenarnya sangat luas sama ada dalam aspek politik, ekonomi mahupun aspek sosial. Namun, peranan wanita dalam aspek politik masih menjadi pokok persoalan sama ada wanita terlibat secara langsung ataupun tidak kerana dalam setiap aspek pemerintahan kaum lelaki mendominasi tampuk kepimpinan. Kemasukan pegawai kolonial di Borneo Utara sejak tahun 1881 hingga tahun 1941 telah membawa bersama isteri mereka untuk tinggal bersama-sama di Borneo Utara. Pembukaan estet disebabkan oleh perkembangan ekonomi semasa era SBBU juga telah menyebabkan usaha merekrut tenaga buruh lelaki mahupun wanita dari luar mulai dilaksanakan akibat kekurangan tenaga buruh dalam kalangan buruh tempatan.<sup>3</sup> Kekurangan buruh dalam kalangan masyarakat tempatan ini disebabkan oleh penolakan masyarakat peribumi sendiri terhadap estet perladangan dan ditambah pula dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak kolonial pada masa itu. Perkembangan dan pembangunan Borneo Utara pada waktu ini juga telah membawa golongan-golongan lain seperti orang wanita Jawa, Cina dan Jepun ke Borneo Utara.<sup>4</sup> Setiap mereka telah memainkan peranan yang penting dalam memenuhi fungsi masing-masing dalam masyarakat. Justeru, kajian ini akan menganalisis peranan yang dimainkan oleh wanita di Borneo Utara dan menilai apakah impaknya terhadap masyarakat pada tempoh masa tersebut.

---

<sup>2</sup> Mahani Musa, *Wanita Melayu, Kesedaran Pendidikan dan Pembentukan Masyarakat Malaysia Modern*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, Tiada Tahun, hlm. 2.

<sup>3</sup> Danny Wong Tze Ken, 'Chinese Migration to Sabah Before The Second World War', *In Archipel*, Vol. 58, 1999, hlm. 134.

<sup>4</sup> Khazin Mohd. Tamrin, 'Orang Jawa di Borneo Utara: Satu Nota Awal', *Jebat UKM*, Vol. 16, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988, hlm. 125.



Sehubungan dengan itu, antara persoalan-persoalan yang timbul daripada permasalahan ini adalah;

1. Siapakah golongan wanita yang ada di Borneo Utara semasa era SBBU?
2. Apakah peranan yang dimainkan oleh golongan wanita tersebut di Borneo Utara?
3. Bagaimanakah peranan wanita tersebut memberi impak kepada masyarakat di Borneo Utara?

### **1.3 Objektif Kajian**

Berdasarkan kepada tiga persoalan kajian di atas, maka kajian ini mempunyai tiga objektif kajian yang perlu dicapai. Pertama, kajian ini akan mengkaji latar belakang golongan wanita yang ada di Borneo Utara semasa era pentadbiran SBBU dari tahun 1881 hingga 1941. Kedua, kajian ini akan membincangkan peranan-peranan yang dimainkan oleh golongan wanita tersebut dari tahun 1881 hingga 1941. Objektif yang ketiga adalah memperincikan impak peranan wanita kepada masyarakat di Borneo Utara dari tahun 1881 hingga 1941.

### **1.4 Sorotan Literatur**

Banyak penulisan yang menyentuh tentang wanita di Borneo Utara tetapi penekanan berkenaan dengan peranan mereka masih kurang ditonjolkan. Walau bagaimanapun, penulisan-penulisan mengenai wanita di Borneo Utara ini adalah sangat penting untuk menjadi rujukan dalam penulisan kajian ini. Panduan utama yang menjadi nadi kepada penulisan ini antaranya ialah Owen Rutter, Danny Wong Tze Ken, Agnes Keith, Sheila Virdi, Cecelia Leong, Maureen De Silva, Charles Bruce, K. G Tregonning, Ian Black, L. W. Jones, Fujio Hara, Yutaka Shimimoto, R. M. Jasni, Dayu Sansalu, dan Michiel K.C. Penulisan latihan ilmiah oleh Caro Ranchak Anak Ghani dan Roslina Majumba juga merupakan rujukan yang tidak kurang pentingnya dalam kajian yang dijalankan ini. Penulisan daripada sarjana tempatan dan sarjana barat adalah sangat penting dalam menilai pokok pemikiran ahli akademik dan pendapat masing-masing berkenaan dengan peranan wanita khususnya wanita di Borneo Utara. Walaupun penulisan sarjana ini bukanlah menyentuh peranan wanita di Borneo Utara secara khusus namun mereka masih berpendapat bahawa peranan wanita dan sejarah tentang wanita itu sendiri adalah sangat penting.





Rutter (2007) menjelaskan bahawa wanita mempunyai tugas utama sebagai pembantu suami. Dalam masa yang sama wanita-wanita ini turut membantu suami mereka mengerjakan aktiviti pertanian, terlibat dalam aktiviti bertamu dan menghasilkan kraftangan. Golongan lelaki merupakan ejen utama masyarakat awam yang mendominasi tampuk institusi politik dan wanita dilihat sebagai pendamping kepada golongan ini.<sup>5</sup> R. M Jasni (1981) turut menyokong pendapat sarjana ini dengan menyatakan bahawa wanita adalah golongan pembantu kepada lelaki. Peristiwa penentangan terhadap dasar yang diperkenalkan oleh SBBU di Borneo Utara membawa penyertaan wanita dalam perjuangan tersebut. Pemberontakan Mat Salleh memperlihatkan peranan wanita sebagai pejuang yang turut sama menegakkan keadilan khususnya kepada masyarakat tempatan. Penglibatan Dayang Bandang sebagai pelopor kepada perjuangan penentangan dalam kalangan wanita merupakan suatu peristiwa yang penting untuk ditelusuri.<sup>6</sup>

Kenyataan penulis ini turut disokong dalam penulisan Saidatul Nornis Haji Mahali.<sup>7</sup> Justeru, idea penulisan berkenaan dengan peranan wanita dalam skop ini membantu kajian ini dalam melihat peranan wanita secara khusus sebagai pembantu kepada golongan lelaki. Wanita adalah individu yang menjadi tonggak utama dalam kelancaran sesebuah pemerintahan yang diterajui oleh golongan lelaki. Dalam masyarakat tradisional misalnya, golongan lelaki biasanya meminta pendapat daripada isterinya berkenaan dengan sesuatu keputusan yang akan dibuatnya. Hal ini seperti yang dilihat dalam tindakan Mat Salleh yang mengambil setiap kata-kata yang diutarakan oleh isterinya iaitu Dayang Bandang sebagai suatu undang-undang. Wanita itu unik sehingga penglibatan mereka dalam politik seakan-akan tersembunyi tetapi berhasil melancarkan sesuatu sistem pentadbiran.<sup>8</sup> Penulisan seperti ini sangat penting kepada kajian yang dijalankan kerana kajian ini turut menegakkan peranan wanita sebagai pembantu kepada suami. Peranan

---

<sup>5</sup> Owen Rutter, *The Pagans of North Borneo*, Kota Kinabalu: Opus Publication, 2007.

<sup>6</sup> R. M. Jasni, *Pemberontakan Pahlawan Mat Salleh*, Kota Kinabalu: Persatuan Kebudayaan Sabah, 1981.

<sup>7</sup> Saidatul Nornis Haji Mahali, 'Wanita Peribumi Sabah: Satu Profil Sejarah dan Masa Depan', dalam Siti Fatimah Abdul Rahman (ed.), *Pemertabatan Wanita di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), 2000.

<sup>8</sup> *Ibid.*





wanita dalam aspek ini akan dihuraikan secara terperinci dengan memasukkan pantang-larang wanita sebagai isteri dan pembantu kepada suami. Kajian ini akan memperjelaskan perhubungan wanita yang sangat jelas dengan suaminya. Penulis mendapati bahawa perkara ini penting untuk diperjelaskan kerana secara jelasnya ianya merupakan suatu kelompangan kepada penulisan sarjana yang pernah menulis mengenai sejarah wanita.

Keperluan bekalan tenaga buruh dari luar menjadi semakin penting akibat perkembangan perindustrian di Borneo Utara. Menurut K.G Tregonning (2007), kepesatan pembangunan dalam aspek ekonomi telah membawa kepada permintaan bekalan buruh yang tinggi. Oleh itu, pihak kolonial mulai merekrut tenaga buruh dari luar seperti Cina yang sudah semestinya perekrutan dalam kalangan wanita turut berlaku. Misalnya, sektor perladangan getah yang mengalami perkembangan pesat memerlukan jumlah tenaga buruh yang ramai.<sup>9</sup> L. W Jones (1966) menjelaskan bahawa kemasukan imigran Cina meningkat dalam tempoh sepuluh tahun bermula dari tahun 1921 apabila Skim Kemasukan Percuma ke Borneo Utara diperkenalkan. Peningkatan ini telah menyebabkan nisbah antara imigran lelaki dan imigran wanita Cina di Borneo Utara ketika itu menjadi tidak seimbang. Wanita Cina bekerja di ladang kapas, tembakau, dan getah.<sup>10</sup> Penulisan ini merupakan panduan yang penting kepada kajian ini kerana wanita imigran Cina turut menjadi subjek kajian yang utama. walau bagaimanapapun, penulis mendapati bahawa penulisan oleh K.G Tregonning dan L.W. Jones ini masih mempunyai sedikit kelompangan kerana penulisan sarjana-sarjana ini tidak mengetengahkan secara terperinci berkaitan dengan peranan dan cabaran yang dihadapi oleh wanita Cina semasa bekerja sebagai buruh di estet perladangan Borneo Utara ketika itu.

Danny Wong Tze Ken (1998) dan Ian Black (1984) telah mengetengahkan idea masing-masing berkenaan dengan faktor kedatangan buruh Cina sehingga ramai buruh yang memasuki Borneo Utara sama ada sebagai peneroka, ataupun buruh-buruh di estet-estet perladangan. SBBU memperkenalkan pelbagai dasar

---

<sup>9</sup> K. G. Tregonning, *Under Chartered Company Rule: British North Borneo 1881 - 1941*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2007.

<sup>10</sup> L. W. Jones, *The Population of Borneo: A Study of The People of Sarawak, Sabah and Brunei*, London: The Athlone Press, 1966.



yang akhirnya telah berhasil membawa imigran Cina di Borneo Utara yang secara tidak langsung telah meningkatkan populasi Borneo Utara sendiri. Pilihan untuk membawa masuk lebih ramai buruh dalam kalangan masyarakat Cina adalah disebabkan oleh persepsi SBBU sendiri yang merendah-rendahkan keupayaan buruh tempatan untuk bekerja di estet perladangan bagi membangunkan ekonomi SBBU di Borneo Utara. Dalam masa yang sama, kebanyakan masyarakat tempatan di Borneo Utara tidak ingin melibatkan diri dalam pekerjaan yang melibatkan pemberian upah kerana bagi masyarakat peribumi ianya adalah suatu bentuk penghinaan kepada mereka. Oleh itu, menurut Ian Black, dasar merekrut buruh dari negara luar terutama dari China adalah salah satu usaha membendung kekurangan tenaga buruh di Borneo Utara pada ketika itu.<sup>11</sup>

Buruh-buruh berkaitan dengan wanita Cina turut dihuraikan oleh Roslina Majumba (2015) dalam penulisan. Penulisan yang berkisar sepenuhnya tentang eksploitasi buruh wanita Cina di Borneo Utara sekitar tahun 1881 hingga 1941 merupakan panduan yang penting dalam kajian yang akan dihasilkan ini. Hal ini kerana, penulisan ini turut menerangkan sejarah awal kemasukan buruh wanita Cina khususnya dalam estet perladangan tembakau dan getah. Dalam masa yang sama, penulisan mengupas tentang jenis-jenis eksploitasi yang dilaksanakan oleh pengurus estet atau majikan terhadap buruh-buruh wanita Cina.<sup>12</sup> Penulisan ini penting kerana eksploitasi wanita Cina di Borneo Utara turut menjadi penghuraian yang penting dan pada masa yang sama ini penulisan ini cuba untuk mengisi kelompangan dalam penulisan ini dengan menghuraikan jenis peranan wanita yang menjadi buruh serta impak peranan tersebut secara menyeluruh kepada wanita dan seterusnya masyarakat Borneo Utara secara khusus.

Maureen De Silva (2012) menyatakan bahawa keperluan tenaga buruh yang tidak mencukupi menyebabkan terdapat ramai tenaga buruh yang terdiri daripada wanita Jawa direkrut untuk memenuhi permintaan buruh. Wanita Jawa yang direkrut masuk kebanyakannya berperanan mencabut lalang yang tumbuh di antara

---

<sup>11</sup> Danny Wong Tze Ken, *The Transformation of An Immigrant Society: A Study of The Chinese of Sabah*, London: Asean Academic Press Ltd., 1998; Ian Black, *A Gambling Style Government*, London: Oxford University Press, 1984.

<sup>12</sup> Roslina Majumba, 'Eksploitasi Buruh Wanita Cina di Borneo Utara: 1881-1941', *Latihan Ilmiah*, Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2015.

